



「法輪功受迫害真相聯合調查團」 (CIPFG) www.cipfg.org
Coalition to Investigate the Persecution of Falun Gong in China

Rayuan “Sejuta Tandatangan Dari Seluruh Dunia”
Penindasan Parti Komunis China terhadap Falun Gong mesti dihentikan
serta-merta sebelum Olimpik 2008.

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Saya mengetahui Falun Gong (juga dikenali Falun Dafa) adalah sejenis senaman Qigong yang berasal dari China. Falun Gong mengajar pelatuhnya menjadi orang yang bermoral tinggi mengikut prinsip Sejati, Baik dan Sabar disamping menyihatkan badan. Kini Falun Gong tersebar melebihi 80 buah negara di seluruh dunia dan telah memberi manfaat kepada orang ramai dari segi kesihatan moral dan fizikal. Pada pandangan saya, Falun Gong baik.

Saya juga mengetahui sejak Julai 1999, Jiang Zemin mengetuai beberapa orang ketua dalam Parti Komunis China (PKC), telah memulakan penindasan terhadap Falun Gong di seluruh China. Beribu-ribu pelatih yang enggan meninggalkan Falun Gong telah ditahan secara haram, diseksa dan juga didera sampai mati. Berpuluh-puluh juta pelatih Falun Gong telah dirampas hak asasi kemanusiaan dan kebebasan kepercayaan mereka oleh Parti Komunis China. Saya berasa terkejut terhadap kejadian sebegini dan berasa kasihan terhadap palatih Falun Gong.

Hak asasi kemanusiaan adalah diakui di seluruh dunia, malah sukan Olimpik juga mempunyai nilai tradisi yang mementingkan hak asasi manusia. Apa yang menakjubkan adalah semasa rejim Komunis China membuat persediaan untuk manganjurkan sukan Olimpik 2008, mereka masih tidak memberhentikan penyeksaan terhadap pelatih Falun Gong. Parti Komunis China juga melanggar perjanjian hak asasi manusia antarabangsa yang telah mereka tandatangani . Ini amat mengecewakan dan tidak dapat diterima.

Saya bukan membantah negara China dan rakyat China. Tetapi saya membantah penindasan Parti Komunis China terhadap Falun Gong. Oleh itu, saya membuat rayuan yang berikut:

1. Parti Komunis China mesti menghentikan penindasan terhadap Falun Gong dengan serta merta sebelum sukan Olimpik 2008 diadakan.
2. Saya berharap pihak kerajaan, parlimen, jawatankuasa Olimpik, dan persatuan hak asasi kemanusiaan dapat merayu kepada Parti Komunis China supaya menghentikan penindasan terhadap Falun Gong sebelum sukan Olimpik 2008.
3. Saya bersetuju bahawa pihak CIPFG untuk menyerahkan surat rayuan saya atau salinannya kepada pihak kerajaan-kerajaan lain, parlimen, jawatankuasa Olimpik dan persatuan hak asasi kemanusiaan supaya meminta mereka mengambil tindakan dengan segera untuk membantu pelatih-pelatih Falun Gong di China untuk menuntut hak asasi manusia dan kebebasan mereka sebelum sukan Olimpik 2008.

Nama	Tandatangan	Bandar/Negara	Umur	Pekerjaan	Email / Tel/Fax
			<input type="radio"/> < 20 <input type="radio"/> 20~29 <input type="radio"/> 30~39 <input type="radio"/> 40~49 <input type="radio"/> > 50		
			<input type="radio"/> < 20 <input type="radio"/> 20~29 <input type="radio"/> 30~39 <input type="radio"/> 40~49 <input type="radio"/> > 50		
			<input type="radio"/> < 20 <input type="radio"/> 20~29 <input type="radio"/> 30~39 <input type="radio"/> 40~49 <input type="radio"/> > 50		
			<input type="radio"/> < 20 <input type="radio"/> 20~29 <input type="radio"/> 30~39 <input type="radio"/> 40~49 <input type="radio"/> > 50		
			<input type="radio"/> < 20 <input type="radio"/> 20~29 <input type="radio"/> 30~39 <input type="radio"/> 40~49 <input type="radio"/> > 50		